



**TIADA JALAN PINTAS:** Siswa SIM Global Education-Universiti Buffalo, Encik Khidhir Asyraf Mahbob menerima ijazah Sarjana Muda (Komunikasi) dengan kecemerlangan tertinggi berkat semangat ingin terus memperbaiki diri. – Foto BH oleh HARYANI ISMAIL

# Raih ijazah tertinggi walau diploma dulu ‘cukup makan’

► **HARYANI ISMAIL**  
haryani@sph.com.sg

KEKECEWAAN yang dirasai Encik Khidhir Asyraf Mahbob apabila menutup tirai pengajian di Politeknik Temasek (TP) dengan gred ‘cukup makan’ tidak dibiarkan sebagai penghambat semangat.

Setelah tersentak dek keputusan kurang menggalakkan bagi kursus Diploma Layanan Tamu dan Pengurusan Pelancongan yang diambil, beliau mencari bidang yang dekat di hati.

Encik Khidhir, kini 26 tahun, mendapati bidang komunikasi dan kewartawanan lebih menarik dek minat mendalamnya mengupas isu semasa dan ehwal sedunia.

Ternyata, pilihan untuk mengambil ijazah Sarjana Muda Sastera (Komunikasi) di kampus SIM Global Education-Universiti Buffalo merupakan langkah tepat.

Jumaat lalu, anak bongsu dalam keluarga dua beradik itu lulus dengan ijazah kecemerlangan tertinggi atau dalam bahasa Latinnya, *Summa Cum Laude*.

Hanya 74 siswazah menerima pengiktirafan tersebut daripada sejumlah 414 lulusan yang tamat pengajian tahun ini.

Ketika ditemui *Gah!* di pejabat *Berita Harian* baru-baru ini, Encik Khidhir yang merupakan anak seor-

ang jurutera dan seorang pegawai penjara pesara, berkata:

“Saya bersyukur ijazah kecemerlangan tertinggi, *Summa Cum Laude* ini, diraih berkat kerja keras dan juga doa ibu bapa. Tiada jalan pintas dalam mencapai kejayaan. Saya yakin lebih ramai anak Melayu boleh meraih ijazah tertinggi ini.

“Tidak semua orang bertuah menikmati kejayaan sekelip mata. Kebanyakan masanya, proses bagi meraih kejayaan adalah sesuatu yang panjang dan menuntut kesabaran.

“Apabila saya meraih keputusan mengecewakan di peringkat diploma, saya bertanya kepada teman lain, bidang apa lagi yang perlu saya terokai? Mereka sarankan agar saya mengambil ijazah perniagaan atau komunikasi yang lebih menjamin masa depan dan sesuai dengan diri saya.”

Beliau selesai dan teruja dengan sistem pendidikan Amerika yang memerlukan setiap siswa aktif bertanya dan berbincang dalam bilik darjah.

Antara 10 hingga 15 peratus daripada penilaian pensyarah pula berdasarkan penyertaan aktif siswa yang gigih mengupas isu.

“Kursus komunikasi ini baru buat saya. Setelah dua tahun tidak menulis esei menyusuli Perkhidmatan Negara (NS), rasanya otak pun agak berkarat. Saya mengambil masa dua

hingga tiga minggu bagi mengembalikan momentum dalam pelajaran.

“Rakan sekuliah pula dari merata Asia, Amerika Syarikat dan Canada. Suasana pembelajarannya berbeza. Kursus kewartawanan oleh pensyarah Cik Khadijah Seron memberi saya perspektif berbeza tentang penulisan rencana,” kongsinya.

Encik Khidhir juga memastikan beliau berdikari dalam menampung biaya kos pengajian.

Antara yang dilakukan termasuk bertugas sambil dalam bidang makanan dan minuman, pengurusan acara atau fotografi.

Dalam kesibukannya, beliau juga menawarkan kerja sukarela bersama badan Art Outreach Singapore dan Beyond Social Services.

“Kerja sukarela merupakan satu cara saya kenali diri saya. Saya terdorong menawarkan khidmat saya selepas menonton dokumentari di Internet.

“Dengan menyumbang semula kepada masyarakat dan membantu golongan yang memerlukan, saya juga merasakan nikmat memberi sekilas senyuman kepada orang lain,” dedahnya.

Menyusuli majlis tamat pengajiannya, Encik Khidhir yang pernah bekerja sambil belajar di jabatan komunikasi Mendaki ingin menyertai bidang media atau perhubungan awam yang disifatkan sebagai mencabar.